

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Jawatankuasa bebas, platform aduan tanpa nama tangani buli

Hartal Doktor Kontrak kemuka cadangan kepada KKM dalam menyediakan garis panduan

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penubuhan jawatankuasa bebas dan platform aduan tanpa nama adalah di antara cadangan dikemukakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menyediakan garis panduan pengurusan buli di

hospital dan klinik kerajaan.

Jurucakap HDK, Dr Muhammad Yassin, berkata jawatankuasa bebas yang mempunyai kuasa penuh menyiasat setiap isu buli serta melaksanakan hukuman setimpal disifatkan langkah penting memastikan gejala negatif itu dapat ditangani secara berkesan.

"Selain jawatankuasa bebas yang berkuasa penuh, platform aduan tanpa nama perlu diwujudkan untuk memberi ruang kepada petugas kesihatan tampil membuat laporan tanpa rasa takut dikenakan tindakan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, yang memaklumkan garis panduan pengurusan buli sudah siap sepenuhnya dan akan dilancarkan sempena Bulan Kesihatan Men-

tal Sedunia pada Oktober ini, sebelum diedarkan kepada semua fasiliti kesihatan bawah KKM.

Perkukuh ekosistem sokongan

Dr Dzulkefly dilaporkan berkata, langkah berkenaan bertujuan memperkukuh ekosistem sokongan sedia ada, termasuk sistem MyHelp serta mencerminkan komitmen KKM terhadap kesejahteraan psikososial warga kerja.

"Garis panduan itu dijangka menjelaskan prosedur pelaporan sebarang kes buli yang berlaku, selain langkah pencegahan dan intervensi terhadap individu dan organisasi," katanya.

Dr Muhammad berkata, walaupun HDK berpandangan garis panduan yang bakal dilancarkan itu belum tentu dapat melindungi sepenuhnya petugas kesihatan daripada amalan buli, namun se-

kurang-kurangnya menjadi langkah awal menangani isu itu.

"Tidak 100 peratus tetapi kita berharap ia dapat membantu. Sama-sama kita tunggu keberkesanannya selepas pelancaran Oktober nanti," katanya.

Mengulas lanjut, beliau mengakui, budaya hierarki dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini menjadi di antara cabaran utama yang boleh menggagalkan pelaksanaan garis panduan berkenaan.

"Sebagai contoh, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) sedia ada mewajibkan aduan dibuat kepada ketua jabatan.

"Keadaan itu menyebabkan identiti pengadu diketahui pihak atasan dan menimbulkan kebimbangan untuk melapor salah laku yang dilakukan individu berpangkat lebih tinggi," katanya.

Jawatankuasa bebas yang mempunyai kuasa penuh menyiasat setiap isu buli serta melaksanakan hukuman setimpal disifatkan langkah penting memastikan gejala negatif itu dapat ditangani secara berkesan

Dr Muhammad Yassin, Jurucakap HDK



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL



Hee Sem (empat dari kiri) merasmikan Karnival Kesihatan 'Oh My Health' di Melaka, semalam.

(Foto Amir Mamat/BH)

Melaka kekurangan lebih 1,000 jururawat, 30 pegawai perubatan

Melaka: Melaka berdepan kekurangan lebih 1,000 jururawat dan kira-kira 30 pegawai perubatan (MO), sehingga memberi tekanan kepada sistem kesihatan awam negeri ini.

Sehubungan itu, EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri, Datuk Ngwe Hee Sem, menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil langkah segera bagi menangani kekurangan tenaga kerja dalam sektor kesihatan, khususnya jururawat dan MO yang menyebabkan beban kerja berlebihan terhadap petugas sedia ada di negeri ini.

"Kita sudah sampaikan per-

kara ini kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad supaya Melaka diberi perhatian khusus bagi menangani permasalahan ini.

"Ini kerana keadaan terbabit menyebabkan beban tugas yang berat terpaksa dipikul oleh MO dan pakar perubatan sedia ada kerana ada di antara mereka terpaksa bekerja dalam tempoh masa yang panjang," katanya selepas merasmikan Karnival Kesihatan 'Oh My Health' di sini semalam.

Hee Sem berkata, kekurangan tenaga kerja ini bukan isu baharu, sebaliknya sudah lama membelenggu negeri itu dan be-

lum mendapat penyelesaian sewajarnya.

Beliau menegaskan meskipun impaknya di Melaka tidak serius, keperluan untuk menambah tenaga kerja dalam sektor kesihatan kekal mendesak.

"Keperluan memang besar. Kita tak boleh nafikan kesannya terhadap doktor pakar dan jururawat. Mereka kini terpaksa bekerja dalam syif panjang dan beban tugas bertambah dari tahun ke tahun.

"Masalah ini sudah lama, tapi sehingga kini belum dapat diselesaikan sepenuhnya kerana kadangkala petugas yang ada pula bertukar ke negeri lain,

jadi perlu ada penambahan secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Hee Sem berkata, sektor kesihatan di Melaka tidak terkesan secara drastik dengan isu tawaran pekerjaan pakar perubatan Malaysia di Singapura, berbanding Johor.

Namun, katanya, keadaan itu memberi cabaran besar buat KKM dalam mendepani kemungkinan berlaku isu kekurangan pakar tempatan.

"Buat masa ini Melaka tidak terlalu terkesan, tetapi Johor memang hadapi kesan ketara kerana kedudukannya yang bersempadan dengan Singapura," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

KKM perlu kongsi butiran garis panduan baharu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) digesa berkongsi butiran terperinci mengenai garis panduan baharu bagi menangani isu buli dalam sektor penjagaan kesihatan kepada Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sebelum ia dimuktamadkan.

Presiden MMA, Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira, berkata langkah itu penting bagi membolehkan input diberi dalam pembangunan akhir garis panduan berkenaan memandangkan pihaknya mempunyai pengalaman luas dalam mengendalikan laporan dan kes buli dalam kalangan petugas kesihatan.

“Isu buli sudah lama dibangkitkan MMA dan pelbagai pihak berkepentingan demi memastikan kebajikan petugas kesihatan terus terpelihara.

“MMA sudah lama menzahirkan kebimbangan mengenai isu terbabit dan berasa gembira kerana ia kini diberi perhatian secara formal,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dr Kalwinder berkata, pihaknya tetap berpendirian tegas dan tidak berkompromi terhadap semua bentuk buli dalam penjagaan kesihatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Singapura 'buru' doktor, jururawat Malaysia

Dari muka 1

"Ramai doktor muda sudah berhijrah dan lebih ramai berminat hadir temu duga ini. Ini satu realiti yang menggambarkan kegagalan sistem kesihatan awam menjaga kebajikan mereka.

"Tawaran gaji dan faedah di Singapura jauh lebih kompetitif berbanding di Malaysia, termasuk elaun *oncall* yang jauh lebih tinggi untuk tempoh kerja sama panjang.

"Elaun *oncall* di Malaysia cuma RM200 untuk kerja selama 33 jam, tetapi di Singapura diberikan sebanyak SGD300 atau RM900. Kalau hujung minggu pula, sini RM220 tapi sana SGD480. Perbezaan ini terlalu besar," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, kerajaan perlu berbelanja lebih dalam memperbaiki sistem kesihatan termasuk menaikkan elaun, menyediakan kemudahan sewajarnya serta menghentikan pendekatan penjimatan keterlaluan dalam sektor ini.

Kelmarin tular di media sosial mengenai sesi temuduga tersebut yang disertakan dengan tawaran pakej menarik termasuk gaji permulaan SGD110,000 setahun (kira-kira RM385,000), tidak termasuk elaun penginapan bulanan, insurans dan pelbagai manfaat lain.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. Kalwinder Singh Khaira pula berkata, ramai doktor dan jururawat mencari peluang di negara jiran kerana mahu mendapatkan gaji dan imbuhan lebih lumayan berbanding Malaysia yang masih rendah.

Katanya, kesannya terhadap sistem kesihatan awam Malaysia adalah amat besar dan tidak boleh dipandang ringan.

"Ketika ini, negara sedang mengalami kekurangan kritikal tenaga kerja kesihatan di banyak fasiliti awam. Keadaan ini amat ketara di Sarawak dan Sabah, sehingga mencestuskan gesaan agar diberikan lebih kuasa autonomi kepada negeri-negeri ini untuk mengisi kekosongan Pegawai Perubatan (MO) dan pakar yang telah lama tertangguh.

"Kehilangan lebih ramai profesional perubatan ke negara jiran serta ke United Kingdom, Australia dan Ireland hanya akan memburukkan lagi sistem penyampaian kesihatan awam negara," katanya.

Dr. Kalwinder berkata, tidak dinafikan penghijrahan tenaga kerja merupakan hak individu, bagaimanapun kerajaan perlu memandang serius trend tersebut kerana memberi kesan besar terhadap sistem kesihatan awam negara meskipun MMA berulang kali menekankan isu kekurangan tenaga kerja kesihatan.

"Meskipun Singapura telah lama merekrut tenaga kerja kesihatan dari Malaysia, usaha mereka kini semakin agresif dipercayai akibat peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan di negara itu," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Kalwinder menggesa KKM menyelesaikan segera beberapa isu kebajikan doktor kerajaan antaranya isu ketidak-samarataan Bayaran Insentif Wilayah (BIW) yang timbul akibat perubahan struktur gaji

di bawah Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Dalam usaha menambah bilangan pakar, MMA turut mencadangkan supaya program pengkhususan melalui laluan selari (*parallel pathway*) dibenarkan tanpa syarat wajib Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) seperti yang dilakukan sebelum ini.

Beliau turut menggesa supaya dasar sedia ada dipinda bagi membolehkan bayaran balik kos perjalanan dan penghantaran barang diberikan kepada doktor yang bertukar negeri terutama dari jawatan kontrak ke tetap antara Semenanjung dan Sabah atau Sarawak.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menyekat pengamal perubatan tempatan daripada mencari pekerjaan di luar negara.

Katanya, perkara itu termasuk menyekat pengambilan tenaga kerja oleh agensi pencarian bakat asing yang berdaftar secara sah.

"Dari sudut perundangan dan diplomatik, tindakan agensi pencarian bakat luar negara termasuk dari Singapura tidak melanggar mana-mana perjanjian dua hala atau peraturan antarabangsa.

"Kerajaan tidak boleh menghalang mana-mana pengamal perubatan daripada berkhidmat di luar negara.

"Malah, kerajaan juga tidak boleh menyekat agensi yang sah di sisi undang-undang daripada merekrut tenaga kerja tempatan, selagi agensi tersebut berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK)," katanya dalam kenyataan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Masuk selumbar pun nak 'ketuk' RM11,000

SAUDARA PENGARANG,

SAYA terpenggil untuk mengulas mengenai perkhidmatan sebuah hospital swasta di Lembah Klang yang dilihat sengaja membesarkan kes kecemasan bagi mengenakan caj yang tinggi.

Kisahanya bermula apabila saya mahu mendapatkan rawatan selepas jari kaki semakin membengkak akibat terkena selumbar.

Keputusan ke hospital swasta ketika itu kerana beranggapan bengkak kaki hanya diubati dengan cuci atau torehan dan ubat-ubatan sahaja.

Namun, sangkaan saya meleset apabila doktor di unit kecemasan itu mahu pesakit dimasukkan ke wad dan

menjalani rawatan bius satu badan.

Apabila ditanya soal harga, doktor berkenaan menyatakan bayaran dianggarkan sekitar lima angka iaitu RM11,000 ke atas. Ini caj dikenakan sekiranya membayar secara tunai, jika menggunakan insurans tidak tahu pula kos dikenakan.

Disebabkan kos yang mahal itu, saya memilih ke hospital kerajaan dan rawatan hanya sebagai pesakit luar.

Saya kesal hospital swasta itu seolah-olah mahu mengenakan caj yang mahal kepada pesakit termasuk kemasukan ke wad walhal perkara itu tidak perlu.

MAK CIK KANTIN
Selangor



KEADAAN jari kaki yang luka dan membengkak (gambar kecil) akibat termasuk selumbar.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Consumer group seeks royal support for vape ban

➤ Association warns of drug-laced products targeting youths, urges swift action to protect public health

BY T. C. KHOR
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: Concerned over the growing availability of drug-laced vape products among youths, the Consumers Association of Penang (CAP) is seeking the support of Malaysia's royal institutions to strengthen calls for a nationwide ban on vaping.

CAP senior education officer N.V. Subbarow said letters addressed to all state rulers will be sent tomorrow, appealing for urgent attention to the issue.

A personal appeal has also been made to the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"We believe the royal institutions can help push the government to act," Subbarow told *theSun*.

The initiative follows recent data revealing that 70% of 96 vape-related investigation papers opened since early 2024 involved synthetic cannabinoids and amphetamines.

Subbarow expressed concern that enforcement efforts are not keeping pace with the evolving nature of vape-related substances and their availability.

"Already one year has passed but no action has been taken over the 96 cases. Furthermore, 70% illegally contain synthetic cannabinoid and amphetamine drugs. What further proof do the authorities need?" he said.

Subbarow was responding to remarks by Health Deputy Minister Lukanisman Awang Sauni on July 13, who confirmed that the 96 cases were opened between January 2024 and March, with most involving banned substances found in vape liquids.

Lukanisman said the ministry is enhancing cooperation with the police and relevant enforcement agencies to address the issue more comprehensively.

While welcoming these efforts, Subbarow hopes more concrete measures will be introduced to safeguard young Malaysians, particularly schoolchildren, who have reportedly become targets of vape sellers.

He also referenced warnings issued earlier by former deputy inspector-general of police Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay.



Subbarow said CAP supports a total ban on vape and e-cigarette products in Malaysia, and urged swift measures to limit their availability in the interest of public health. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

In April, Ayob Khan cautioned state governments about the increasing misuse of synthetic drugs among youths, including fentanyl — a powerful opioid reportedly found in some vape liquids.

Subbarow noted that many countries have moved to ban or tightly regulate vaping due to its association with youths' addiction and illegal drug use.

Citing international research, he said 65% of vape products tested contain banned substances such as methamphetamine and ecstasy.

"Vaping is more dangerous than smoking.

We must aim for a no-vape generation," he said.

He also expressed concern over prolonged delays in policy decisions, warning that time allows harmful products to reach more youths.

"The younger generation is keen to taste new drugs, just to have a happy moment.

"They want a zombie lifestyle, not a healthy lifestyle."

Subbarow said CAP supports a total ban on vape and e-cigarette products in Malaysia, and urged swift measures to limit their availability in the interest of public health.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

African swine fever detected at three pig farms

TASEK GELUGOR: The Penang Veterinary Services Department has confirmed that three pig farms in Kampung Selamat have been affected by African Swine Fever (ASF), based on laboratory results from the Northern Zone Veterinary Laboratory.

Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said two of the three affected farms had reported high mortality rates among the livestock, raising concerns about the possible spread of the disease to neighbouring farms.

"Our team has been on the ground at the pig farms in Kampung Selamat since yesterday to conduct checks, as well as implement control and close monitoring measures to ensure the ASF outbreak can be contained swiftly and effectively. So far, two of the farms have reported the deaths

of 50 pigs, with many more showing ASF symptoms. There are 63 pig farms involving about 120,000 pigs in the Kampung Selamat area," she said in a statement on Saturday.

As a disease control measure, she said the department has issued a Notice of Restriction and Prohibition of Animal Movement under Section 18 of the Animals Act 1953 (Act 647) to the infected farms and imposed movement restrictions on pigs to only designated abattoirs to prevent the risk of spreading the disease to other areas or districts.

Saira Banu said the department is sampling pigs showing clinical signs at nearby farms for early detection, enhancing biosecurity monitoring and advising all farmers to report any

unusual livestock deaths promptly.

She stressed that ASF is not contagious to humans but significantly impacts the pig farming industry, particularly in terms of animal movement restrictions and economic losses for farmers.

"The department advises all pig farmers to strengthen biosecurity measures on their farms, including preventing outsiders or unsanitised vehicles from entering their premises. In addition, any sudden deaths or signs of disease among pigs should be immediately reported to the department," she said.

She added that further information or inquiries can be directed to the North Seberang Perai District Veterinary Services Office or directly to the department. – Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Helikopter PDRM jenis AS355N banyak jasa, sumbangan kepada masyarakat

Johor Bahru: Helikopter milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) jenis AS355N dengan nombor pendaftaran 9M-PHG yang terbabit kemalangan di Gelang Patah, Khamis lalu pastinya akan dikenang berikutan 'jasa dan sumbangannya' kepada pelbagai lapisan masyarakat menerusi ribuan operasi.

Sejak berita mengenai pesawat itu terhempas di Sungai Pulai ketika mengikuti latihan, banyak pihak yang mula mengimbau semula momen dan kenangan mereka, tidak kisah sama ada pengalaman menaikinya, atau operasi yang pernah disertai helikopter ini.

Komander Pasukan Gerakan Udara (PGU) Jabatan Keselamatan Dalam Nege-

ri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Datuk Noor Sham Md Jani mengumpamakan 9M-PHG yang berusia 28 tahun sebagai 'kecil-kecil lada api', dengan insiden pencero-bohan pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 2013 sebagai antara 'sumbangan' terbesar helikopter itu.

Noor Sham yang memiliki hampir 7,000 jam rekod menerbangkan helikopter AS355N berkata, beliau sendiri menerbangkan helikopter itu bagi membawa anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang tercedera ke Hospi-

tal Sandakan dan Hospital Lahad Datu, ketika insiden berdarah terbabit.

"Daripada hari pertama insiden, tiga jenis pesawat sama (AS355N), termasuk 9M-PHG, bersama kru terlibat ditempatkan di Lahad Datu selama hampir tiga minggu, sebelum pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tiba.

"Kita gunakan helikopter ini untuk command and control

Noor Sham

kannya siang dan malam, tugas utama adalah untuk membuat pemantauan dan pesawat ini juga bawa pasukan PGA kita yang cedera di kaki dan tangan ke hospital Lahad Datu dan Hos-

pital Sandakan. Saya sendiri yang membawanya," katanya dihubungi Bernama.

Noor Sham berkata, helikopter yang baru sahaja menyertai Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25) berkenaan juga antara yang sangat kerap digunakan untuk operasi bantuan kemanusiaan bagi memindahkan mangsa bencana, pemantauan trafik, banjir dan jenayah.

"Disebabkan saiznya yang kecil, kita gunakan helikopter ini untuk command and control, contoh kalau ada kes berlaku, kita gunakannya untuk buat pemerhatian terlebih dahulu kerana mudah menyelit, kemudian barulah kita gunakan pesawat le-



HELIKOPTER jenis AS355N pernah digunakan untuk memindahkan tiga ibu mengandung dari tiga kampung Orang Asli yang terputus hubungan akibat banjir di Kahang, Kluang ke hospital pada 22 Mac lalu.

bih besar seperti AW139 jika keadaan memerlukan," katanya.

Di Johor, 9M-PHG jugalah helikopter yang digunakan untuk memindahkan tiga ibu mengandung berusia 22 hingga 33 tahun dari perkampungan Kampung Orang Asli Peroh, Kampung Orang Asli Se-

dohok dan Kampung Orang Asli Puchor yang terputus hubungan akibat banjir di Kahang, Kluang ke hospital.

PDRM memiliki lima pesawat jenis AS355N iaitu dua di Sabah, satu di Sarawak dan dua di Semenanjung, termasuk 9M-PHG. - BERNAMA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : RENCANA

Rencana

Utusan Malaysia
ISNIN • 14 JULAI 2025

11

Penghijrahan bakat pengamal perubatan kerugian besar kepada negara

SUBRAMANIAM
SRI RAMALU

MEDIA baru-baru ini melaporkan kakitangan Kementerian Kesihatan (MOH) Singapura ke salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur untuk menjalankan sesi temu duga dengan doktor dan pengamal perubatan am (GP). Iklan pengambilan tersebut dikatakan sudah tersebar luas sebelum itu di pelbagai platform mempelawa semua doktor serta graduan lepasan ijazah dalam bidang perubatan dari Malaysia untuk mengisi dua jawatan utama iaitu pegawai perubatan dan pembantu klinikal. Sesi pengambilan tersebut disertai dengan tawaran pakej yang sangat menarik dengan gaji permulaan sebanyak SGD110,000 setahun (kira-kira RM385,000), tidak termasuk elaun penginapan bulanan, insurans dan pelbagai manfaat lain.

Dalam pasaran kerja global yang kompetitif, pengambilan bakat untuk mengisi perjawatan dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi seperti doktor, jurutera, saintis, akauntan, penyelidik dan lain-lain selalunya dilakukan menerusi *headhunters* (firma-firma perekrut), iaitu individu atau syarikat yang mengkhusus dalam mencari dan merekrut bakal pekerja untuk jawatan eksekutif atau strategik di dalam sesebuah organisasi.

Perekrut ini sering digunakan dalam konteks perekrutan profesional, terutamanya dalam industri yang memerlukan kepakaran khusus seperti teknologi, perubatan dan pengurusan.

Namun demikian, insiden terbaru ini agak merusuhkan kita apabila Kementerian Kesihatan Singapura sendiri terlibat secara langsung dalam pengambilan pegawai perubatan dari Malaysia dengan mengadakan temu duga di negara ini. Trend ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan Malaysia terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kita tidak mahu tindakan MOH Singapura ini diikuti oleh negara asing lain pada



KEKURANGAN doktor dan pakar perubatan khususnya dalam bidang geriatrik yang berpunca daripada brain drain boleh menyebabkan negara berhadapan dengan krisis kesihatan awam.

masa hadapan. Persoalan yang timbul di sini antara lainnya adakah MOH Singapura melihat terdapat kelemahan dalam pengurusan bakat di sektor perkhidmatan kesihatan di Malaysia, justeru ada peluang untuk merekrut pengamal perubatan kita dengan 'memikat' mereka menerusi tawaran-tawaran yang menarik dan lumayan.

Tindakan terdesak dan berani kerajaan Singapura untuk mengadakan sesi temu duga secara langsung di negara ini dengan menjanjikan ganjaran yang lumayan boleh menyebabkan penghijrahan besar-besaran doktor Malaysia ke negara mereka. Apatah lagi kita difahamkan bahawa syarat kelayakan telah dilonggarkan oleh kerajaan Singapura untuk menarik lebih ramai doktor dari Malaysia menyertai sektor perkhidmatan kesihatan negara mereka. Semua graduan perubatan Malaysia dikatakan boleh memohon tanpa perlu melalui sebarang peperiksaan kelayakan seperti sebelum ini. Ini sudah tentu satu tawaran yang amat menarik terutamanya untuk doktor-doktor muda yang masih belum stabil dalam kerjaya mereka.

Tindakan MOH Singapura boleh dianggap sebagai memburu bakat iaitu tindakan agresif menyasarkan bakat

yang sudah pun bekerja dan memikat mereka untuk meninggalkan organisasi yang mereka sedang bekerja dengan pelbagai tawaran menarik.

Kita tidak mahu doktor-doktor yang telah dilatih selama bertahun-tahun di institusi pengajian tinggi dan hospital-hospital meninggalkan profesion perubatan di negara ini. Statistik KKM berkaitan jumlah pegawai perubatan yang meletakkan jawatan juga agak mengusutkan.

Seramai 6,417 orang pegawai perubatan lantikan tetap dan kontrak dilaporkan meletak jawatan sejak 2019 sehingga 2023. Dapud jumlah tersebut, 2,385 orang adalah mereka yang berjawatan tetap, manakala baki 4,032 adalah lantikan kontrak. KKM turut merekodkan seramai 1,046 pakar perubatan memilih meninggalkan perkhidmatan awam dalam tempoh sama dan 63 pakar perubatan lain pula memilih bersara pilihan.

Kita bimbang perkembangan terbaru ini akan menjadikan fenomena *brain drain* (penghijrahan bakat) menjadi semakin kritikal. Menurut satu statistik yang dilaporkan di media, Malaysia menyaksikan kadar penghijrahan yang tinggi, mencecah 5.5 peratus atau melibatkan hampir dua juta tenaga kerja pada 2024.

Angka tersebut menunjukkan kadar penghijrahan bakat di negara ini jauh lebih tinggi berbanding purata global iaitu sebanyak 3.3 peratus.

Penghijrahan doktor ke luar negara merupakan satu kerugian yang besar kepada institusi pendidikan awam tempatan dan negara amnya kerana yuran pengajian untuk kursus perubatan hampir ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan sekiranya kita bandingkan dengan jumlah yuran yang dibayar oleh pelajar yang mengikuti kursus perubatan di universiti swasta dan luar negara.

Menurut bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman, kos untuk melatih setiap pelajar perubatan dianggarkan bernilai kira-kira RM1 juta. Kos ini dijangka akan terus meningkat pada masa hadapan mengambil kira situasi ekonomi global yang tidak serba menentu.

Tindakan MOH Singapura untuk melonggarkan syarat kelayakan untuk merekrut doktor Malaysia secara beramai-ramai juga secara tidak langsung adalah satu bentuk pengiktirafan terhadap kualiti graduan perubatan dan sistem pendidikan tinggi di negara ini. Masakan tidak, syarat kemasukan pelajar ke fakulti-fakulti perubatan di negara ini adalah sangat

tinggi. Kurikulum dan struktur program perubatan kita juga setanding dengan standard antarabangsa. Graduan perubatan adalah aset negara yang perlu dijaga dan dikekalkan di negara ini dan bukannya sehingga boleh dipikat sewenang-wenangnya oleh pihak lain terutamanya negara luar.

Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua menjelang 2030, iaitu apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya berumur 60 tahun ke atas. Dalam konteks ini, sumbangan pengamal perubatan penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang baik.

Kekurangan doktor dan pakar perubatan khususnya dalam bidang geriatrik yang berpunca daripada penghijrahan bakat boleh menyebabkan negara berhadapan dengan krisis kesihatan awam. Ramalan Jabatan Perangkaan bahawa jumlah populasi negara akan mencecah 42.38 juta menjelang 2049 juga harus diambil kira dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan awam yang terbaik pada masa hadapan.

Kita sering mendengar dan membaca tentang beberapa perkara yang dikatakan kelemahan berkaitan pengurusan bakat dalam sektor perkhidmatan kesihatan negara yang perlu diberikan perhatian segera. Antaranya isu berkaitan lantikan sebagai doktor kontrak kepada doktor baharu, kadar elaun *on-call*, laluan kerjaya yang jelas, peluang menjalani latihan kepakaran, *parallel pathway*, gaji dan faedah berkaitan, beban kerja, persekitaran kerja dan sebagainya.

Kita mengharapkan satu reformasi yang drastik dan segera dapat dilakukan terhadap ekosistem dalam sektor perkhidmatan kesihatan negara sebagai langkah tuntas untuk menangani isu pengurusan bakat yang boleh membawa kepada penghijrahan. Hanya menerusi kemahiran politik yang kuat, reformasi dalam sektor perkhidmatan kesihatan dapat dilaksanakan dengan segera.

PROFESOR Dr. Subramaniam Sri Ramalu ialah pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan di Universiti Utara Malaysia (UUM).